



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(b)


Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan dimana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.

**PEGAWAI PELAJARAN UGAMA KANAN (G.15)
BAHAGIAN KEMAJUAN SYI'AR ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

=====
Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di **Kementerian Hal Ehwai Ugama**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana- mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PEGAWAI PELAJARAN UGAMA KANAN
BAHAGIAN KEMAJUAN SYI'AR ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
G.15 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Al-Quran / Bahasa Arab / Pengajian Islam / Syariah / Usuluddin atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji G.13 / B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji G.11 / B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
2. Mempunyai Diploma Pendidikan / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.
3. Mempunyai kepimpinan dan berpengalaman dalam pengurusan dan pengetahuan hal ehwal peperiksaan, penilaian / perkembangan kurikulum dan bidang-bidang yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran.
4. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengetuai dan bertanggungjawab dalam hal ehwal pengurusan pentadbiran di Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam;
2. Bertanggungjawab selaku Urus Setia Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan serta acara-acara iringan;



3. Bertanggungjawab dan membantu Ketua Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam dalam memantau pengurusan Pentadbiran di Bahagian ini;
4. Bertanggungjawab dalam pengurusan pegawai dan kakitangan seperti mengawal permohonan cuti;
5. Menjadi Pegawai Fokal bagi acara atau majlis yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama atau agensi-agensi lain;
6. Meneliti dan mensahkan permohonan yang berkaitan dengan kewangan di Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam;
7. Bertanggungjawab dan memastikan kesejahteraan dan pemeliharaan prasarana Bahagian ini;
8. Menyediakan kertas cadangan seperti *proposal* bagi membantu Ketua Bahagian menyokong pegawai dan kakitangan bahagian ini yang difikirkan untuk:
 - i. Kenaikan Pangkat;
 - ii. Penerimaan Bintang dan Pingat Kebesaran Negara Brunei Darussalam;
 - iii. Penerimaan Anugerah;
9. Memastikan maklumat-maklumat / *data-data* pegawai dan kakitangan di Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam sentiasa dikemas kini;
10. Menyediakan laporan perjumpaan, lawatan dan mesyuarat serta mengambil tindakan lanjut mengenainya;
11. Menghadiri perjumpaan, mesyuarat dan perbincangan bagi pihak Ketua Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam jika diperlukan;
12. Bertanggungjawab menyediakan anggaran belanjawan tahunan dan mengawal perbelanjaan Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam;
13. Membantu Ketua Bahagian menyediakan KPI bagi pegawai-pegawai dan kakitangan di Bahagian ini; dan
14. Melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan Bahagian ini atau mana-mana tugas yang diarahkan oleh Ketua Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam dan pihak atasan.